

HARI MINGGU BIASA KE-21 (C)

Yesaya 66:18-21; Mazmur 116 (117). R/ Markus 16:15; Ibrani 12:5-7. 11-13
Lukas 13:22-30

Tema: **HANYA YESUS KRISTUS PENYELAMAT DUNIA!**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa Ke-21, Tahun Liturgi C. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita mengenai penyelamatan! Injil hari ini memberitahu kita bahawa jika kita mahu diselamatkan kita harus masuk melalui pintu yang sempit, iaitu, kita harus berusaha keras. Injil juga memberitahu kita bahawa pintu yang sempit itu tidak akan terbuka untuk selama-lamanya, iaitu, kita harus masuk dengan segera, di sini dan sekarang! (CSB)

Lebih penting, Injil hari ini memberitahu kita bahawa orang-orang Yahudi telah menolak penyelamatan Yesus! Tetapi yang pentingnya, Injil memberitahu kita bahawa orang-orang asing telah menerima penyelamatan Yesus! Itulah sebabnya mengapa mereka akan datang dari Timur dan Barat, dan dari Utara dan Selatan untuk masuk Kerajaan Allah!

Injil berakhir dengan memberitahu kita:

“Dan sesungguhnya ada orang yang terakhir yang akan menjadi orang yang terdahulu dan ada orang yang terdahulu yang akan menjadi orang yang terakhir.” (Lukas 13:30; SM)

Iaitu, orang asing yang telah dipanggil akhir akan menjadi yang pertama memasuki kerajaan Allah, dan orang Yahudi yang dipanggil pertama akan menjadi yang terakhir memasuki kerajaan Allah! Bahkan, dalam Surat Santo Paulus kepada umat di Roma Bab 11 menyatakan bahawa pada akhirnya orang Yahudi yang telah menyalib Yesus pun akan percaya dan menerima Yesus dan akan diselamatkan!

Bahkan, sama ada pertama atau terakhir, Yahudi atau orang asing, semuanya harus diselamatkan dalam Yesus Kristus, sebab hanya Yesus Kristus adalah Penyelamat dunia! Justru Pengantar Injil hari ini:

“Akulah jalan untuk mengenal Allah dan untuk mendapat hidup. Tidak seorang pun dapat datang kepada Bapa kecuali melalui Aku.” (Yoh 14:6; SM)

Iaitu, hanyalah Yesus Kristus adalah jalan kepada Bapa, sebab Dia adalah kebenaran yang melihatkan cinta kasih Bapa dan hanya melalui kasih Bapa dapat memberi kehidupan kekal!

2. Itulah sebabnya mengapa bacaan pertama memberitahu kita bahawa seluruh bangsa-bangsa dunia akan berubah! Dan lebih dari itu bahawa, bacaan pertama juga memberitahu kita bahawa bangsa-bangsa yang berubah akan dengan itu menjadi misionaris dan penginjil penyelamatan! Dan lebih dari itu, bacaan pertama memberitahu kita bahawa orang asing yang berubah akan menjadi imam!

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Justru itu sahutan kepada Mazmur antarbacaan adalah:

“Pergilah ke seluruh dunia dan wartakanlah Injil.” (Markus 16:15; SM)

Mazmur antarbacaan adalah yang terpendak sekali dari 150 Mazmur Psalter (Kitab Mazmur). Ia hanya mempunyai dua rangkap. Ayat pertama, iaitu rangkap pertama, memberitahu kita untuk memuji dan menyembah Allah! Ayat kedua, iaitu rangkap kedua, memberitahu kita mengapa kita memuji dan menyembah Allah, iaitu, kita memuji dan menyembah Allah sebab Dia adalah kasih dan kesetiaanNya selama-lamanya! Dua sifat Allah yang diperlihatkan kepada Musa (Kel 34:6) dan diperlihatkan dengan sempurnanya oleh Yesus Kristus (Yoh 1:14; NJB)!

Allah mengasihi kita walaupun bila kita tidak mengasihi-Nya dan Allah tetap taat walaupun bila kita tidak taat kepada-Nya! Kita melihat, mendengar, menyentuh, menghidu dan merasai kedua-dua sifat Allah dengan sempurnanya dalam salib Yesus Kristus!

Sahutan kepada Mazmur antarbacaan memberitahu kita untuk “pergi ke seluruh dunia” dan “wartakan Kabar Gembira” cinta kasih dan kesetiaan Allah di kayu salib Yesus Kristus untuk penyelamatan seluruh dunia!

4. Bacaan kedua tidak menuruti tema Hari Minggu, tetapi bacaan kedua mempunyai sesuatu yang penting untuk diberitahu kepada kita! Bacaan kedua mempunyai sesuatu yang penting untuk diberitahu kepada kita sebab ia menjawab pertanyaan-pertanyaan yang sering kita tanya, iaitu, jika Allah itu adalah kasih mengapa adanya kesengsaraan di dunia!

Seorang ahli teologi Australia menjawab soalan ini dengan baik! Dia berkata bahawa kesengsaraan adalah kasih Allah yang dialami oleh para pendosa demi perubahan dirinya, supaya dia dapat lari dari dosa dan kematian dan kembali kepada Allah dan menerima kasih, kehidupan dan kebahagiaan! Atau dalam perkataan-perkataan bacaan kedua hari ini:

“Hendaklah penderitaan yang kamu tanggung dianggap sebagai hukuman daripada seorang bapa. Penderitaan kamu membuktikan bahawa Allah memperlakukan kamu sebagai anak-anak-Nya. Pernahkah seorang anak tidak dihukum oleh bapanya? Pada masa kita dihukum, hukuman itu membuat kita susah hati, bukannya senang hati. Tetapi kemudian, orang yang dihukum untuk menunjukkan kesalahan mereka, akan hidup menurut kehendak Allah dan mengalami kesajahteraan.” (Ibr 12:7. 11; SM)

5. Hari ini kita memberi kesyukuran kepada Allah untuk anugerah percuma penyelamatan dan kita mohon kepada Allah untuk memberi kita Roh Kudus supaya kita dapatewartakan Kabar Gembira penyelamatan-Nya ke seluruh dunia dan supaya seluruh dunia dapat percaya dan diselamatkan, termasuk orang Yahudi yang telah menyalib Yesus! Kemudian akan datang berakhirnya dunia, iaitu, dunia kejahatan dan kepenuhan yang terakhir kerajaan Allah di bumi!

Berkat Hari Minggu kepada kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kumpulan kecil dan dalam komuniti-komuniti kecil:

1. Apakah kamu memasuki kerajaan Allah melalui pintu yang sempit atau pintu yang luas? Apakah pintu ke kerajaan Allah sentiasa terbuka? Adakah kamu memasuki kerajaan Allah dengan segera, di sini dan sekarang atau kamu menunggu sehingga terlambat?
2. Apakah kamu menerima atau menolak Yesus? Adakah orang-orang asing menerima atau menolak Yesus? Bolehkah orang Yahudi juga diselamatkan pada akhir dunia?
3. Adakah hanya Yesus Kristus sahaja Penyelamat dunia? Mengapakah hanya Yesus sahaja penyelamat dunia?
4. Adakah kamuewartakan Kabar Gembira Penyelamatan Yesus Kristus ke seluruh dunia? Apakah kamuewartakan Kabar Gembira oleh perkataan, aksi dan gaya hidup kamu; di rumah; di tempat kerja; di dalam komuniti, di sekolah, di internet, dll?
5. Adakah kamu sengsara? Jika Allah itu adalah kasih mengapa kamu sengsara?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: Catholic Study Bible (CSB); New Jerusalem Bible (NJB); Sunday Missal (SM).